

# Dekati pelajar dengan

# senyuman



Oleh Noor Azlina  
Zainudin  
azlina.z@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**endekatan senyum dan sapa yang diadakan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Muhamad Anas Misbahudin, 23, ternyata memudahkan beliau mendekati pelajar, sekali gus menyelesaikan permasalahan mereka.

Bagi anak muda yang berasal dari Perak ini, senyuman bukan sekadar penghias wajah sebaliknya boleh dianggap mukadimah terbaik untuk memulakan bicara dengan sesiapa sahaja, tanpa mengira kedudukan dan rupa.

“Zaman sudah berubah. Sekarang bukanlah masa untuk memimpin tanpa bertanya pendapat orang yang dipimpin (pelajar). Mereka perlu didekati

secara bijak memandangkan pelajar hari ini lebih bersifat idealisme dan rasional dalam menyuarakan idea atau pendapat.

### Jalan penyelesaian

“Saya juga sering merujuk orang yang lebih berpengalaman dalam memimpin dan tidak jemu menyelami cara terbaik menyelesaikan setiap masalah,” katanya yang juga Pengerusi Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) sesi 2014/2015.

Seiring perkembangan teknologi, Muhamad Anas turut menjadikan media sosial sebagai medium utama mendekati dirinya dengan pelajar.

Berpengalaman memimpin sejak berada di bangku sekolah menengah lagi, sifatnya yang suka mencuba sesuatu yang baharu menjadikan

### PROFIL

**MUHAMAD ANAS  
MISBAHUDIN**

**Umur:** 23 tahun

**Asal:** Perak

**Pendidikan:** Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Rangkaian Komputer), UniSZA

**Hobi:** Bersukan

**Cita-cita:** Jurutera rangkaian komputer dan usahawan berjaya

**Moto hidup:** Hidup perlu berprinsip. Seimbangkan ilmu dan akhlak.

Pemimpin berakhlak mulia menjadi teladan kepada orang lain.

**Jawatan yang sedang disandang:**

- Pengerusi MPPK Sesi 2014/2015
- Presiden MPP UniSZA Sesi 2014/2015

beliau sentiasa berusaha mempelajari kaedah memimpin dan tadbir urus berkesan.

### Sifat terbuka

“Bagi saya, pemimpin berkarisma perlu sentiasa mengamalkan sifat keterbukaan dan suka mendengar kerana untuk didengari, kita perlu menjadi pendengar yang baik. Sentiasa terbuka menerima cadangan dan kerjasama semua pihak.

“Saya juga lebih cenderung menggunakan konsep diplomasi untuk menyelesaikan masalah, bukannya mencari kesalahan sesiapa. Sentiasa tenang berdepan dengan masalah, kerana saya percaya pemimpin tidak lahir dalam bilik kuliah sebaliknya terhasil di tengah kancah masalah,” katanya.